



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGUASAAN DAN STRUKTUR AYAT MAJMUK BAHASA
MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
SINGAPURA**

**ARPAH BINTE ABDUL RASHID
FBMK 2010 10**



**PENGUASAAN DAN STRUKTUR AYAT MAJMUK BAHASA
MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SINGAPURA**

ARPAH BINTE ABDUL RASHID

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009



**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

**PENGUASAAN DAN STRUKTUR AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA**

Oleh

ARPAH BINTE ABDUL RASHID

December 2009

Pengerusi : VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM PhD

Fakulti : Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa ibunda telah diwajibkan kepada semua pelajar Melayu di Singapura sejak mereka berada dalam darjah satu. Setelah sepuluh tahun mempelajari bahasa Melayu mereka sewajarnya telah dapat menguasai kemahiran membina ayat khususnya ayat majmuk. Sebaliknya kebanyakan pelajar Melayu hari ini tidak dapat menguasai struktur sintaksis terutama ayat majmuk dengan baik. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penguasaan struktur ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar, khususnya melihat penguasaan dan struktur ayat gabungan, ayat pancangan dan ayat campuran.

Kajian ini meninjau seramai 115 orang pelajar-pelajar menengah empat dari empat buah sekolah menengah di Singapura. Mereka telah menjalani kursus pembelajaran formal selama sepuluh tahun berdasarkan kurikulum bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura. Dengan menggunakan teori transformasi generatif penyelidik menggunakan rumus struktur BM dalam bentuk rajah pohon untuk menunjukkan struktur-struktur dalaman dan luaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang satu-perdua (2378) daripada jumlah ayat yang dibina merupakan ayat majmuk, suku daripadanya adalah tidak gramatis. Kebanyakan kelemahan dalam pembinaan ayat ialah dalam penggunaan kata hubung. Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat korelasi yang erat dan signifikan di antara jumlah ayat majmuk yang gramatis ($r = .660$) dan jumlah ayat majmuk ($r = .347$) dengan pencapaian bahasa dalam karangan. Seterusnya kajian ini mendapati ada perkaitan yang positif ($r = 0.206$) dan signifikan ($p = 0.05$) di antara minat membaca dengan pencapaian bahasa.

Dalam penggunaan kata hubung, dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai kelemahan yang ketara dalam penguasaan penggunaan kata hubung yang tepat apabila didapati penggunaan kata hubung '*dan*' sangat tinggi peratusan kehadirannya (71%) berbanding dengan kata hubung yang lain. Dengan kelemahan dalam penguasaan dan struktur ayat majmuk dan seterusnya dalam penguasaan bahasa Melayu, maka pihak yang terlibat di Singapura perlu berusaha untuk memperbaiki agar dapat mengekalkan penggunaan bahasa Melayu menurut tatabahasa yang betul.

**Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment for the degree of Doctor Of Philosophy**

**PENGUASAAN STRUKTUR AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA**

By

ARPAH BINTE ABDUL RASHID

December 2009

Chairman : VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM (Ph.D)

Faculty : MODERN LANGUAGES AND COMMUNICATION

As a mother tongue, Malay Language is made compulsory to all Malay pupils since primary one. After ten years of attending Malay Language lessons, they should already acquire the skills of sentence construction especially in the compound and complex sentences. Instead most Malay students today are unable to dominate the structure of syntax, especially compound sentences well. The present study aims at analysing the mastering and structure of compound and complex sentences in pupils' composition, especially in conjoined, embedded complex and combined compound sentences

The present study surveys 115 secondary four pupils from four secondary schools in Singapore. They have undergone ten years of formal education based on Singapore Ministry of Education curriculum. By using Transformative Generative Theory, the present researcher uses the concept of labeled-tree diagram to show the syntactic structure of the sentences

Results of the study show that about one-half of the all sentences constructed was compound and complex sentences, of which one-quarter was non-grammatical. Most of the weaknesses in the sentences is on the usage of conjunctions. Results of the study also show that there was a close and significant correlation between grammatical compound and complex sentences ($r = 0.660$) and total compound and complex sentences ($r = 0.347$) with the language performance in their compositions. In addition, the study also found that there was a positive ($r = 0.206$) and significant ($p = 0.05$) correlation between reading habits and language performances.

In the use of conjunction, results of the study show that the respondents displayed some weaknesses in the use of appropriate conjunctions as shown by the high percentage (71%) of “*dan*” present in the composition. From the above discussion, the relevant bodies in Singapore should take corrective measures in order to preserve the Malay Language according to the standard grammar of the language.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah. Tiada kata yang layak saya ucapkan melainkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah (SWT) kerana tanpa izinNya tidak mungkin saya dapat menyelesaikan pengajian saya ini. Jutaan terima kasih pada semua pensyarah terutamanya pembimbing saya dalam menyelesaikan projek saya iaitu Dr. Vijayaletchmy AP/ Supramaniam yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menyelesaikan tesis ini. Beliau dengan sabar dan penuh dedikasi telah membimbing saya dari mula kajian ini dijalankan hinggalah siap menjadi satu projek yang lengkap. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Awang Sariyan yang telah bertugas sebagai penyelia saya sebelum beliau berhijrah ke Beijing. Walaupun masa agak singkat bersama beliau, segala tunjuk ajar dan teguran beliau yang memang kaya dengan ilmu telah dapat membantu saya dalam perancangan menyediakan tesis ini. Rakaman terima kasih juga tidak akan saya lupakan pada Prof. Madya Dr. Haji Che Ibrahim Salleh dan Dr. Nik Rafidah Bt Nik Mohamad Effendi yang telah membimbing saya dan bertindak sebagai penyelia bersama-sama Dr. Vijayaletchmy dalam menyelesaikan kajian ini.

Begitu juga tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada pengetua sekolah di mana saya mengajar iaitu Puan Rostinah Md. Said yang telah memberikan dorongan pada saya.

Rakaman teima kasih dan apresiasi yang setinggi-tinggi kepada semua yang telah terlibat dalam perjuangan saya mengharungi gelombang cita-cita untuk meraih ilmu sepanjang hayat. Budi baik, sokongan dan dorongan anda akan saya sematkan dalam sanubari dan sentiasa terukir dalam memori.

Khas untuk suami yang telah memberi sokongan dan galakan untuk saya menyelesaikan pengajian ini, saya ucapkan jutaan terima kasih. Terima kasih kerana telah memahami akan kesulitan yang saya tempuhi. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada adik tersayang Dr. Zakariah A. Rashid dan isteri, Nolia Ashaari sekeluarga yang telah melayani, memberi dorongan dan pertolongan kepada saya semasa menjalani kursus ini. Untuk anak-anak yang dikasihi, jadikanlah ia sebagai satu motivasi iaitu usia bukan penghalang untuk menuntut ilmu.

Untuk rakan-rakan seperjuangan, segala bantuan dan dorongan anda sepanjang saya mengikuti pengajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih. Semoga apa yang saya pelajari dapat kita kongsi bersama demi memartabatkan anak bangsa kita.

Akhir sekali saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih Kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung, mahupun tidak langsung sehingga projek ini siap sepenuhnya.

Terima Kasih

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 10 Dec 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Arpah Abdul Rashid untuk menilai tesis doktor Falsafah beliau yang bertajuk “PENGUASAAN DAN STRUKTUR AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA” mengikut akta Universiti Putra Malaysia 2008 dan Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Jawatankuasa pemeriksa pelajar adalah seperti berikut:

LIM SWEE TIN, Ph.d

Pensyarah
Ketua Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

NOOR AINA DANI, Ph.d

Pensyarah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

HASHIM MUSA, Ph.d

Pensyarah
Nama Jabatan dan / atau Fakulti
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

ZAHARANI AHMAD, Ph.D

Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Dec 2009

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Falsafah Kedoktoran. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengurus)

CHE IBRAHIM BIN SALLEH, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

NIK RAFIDAH BINTI NIK MUHAMAD AFFENDI, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 April 2010

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra atau di institusi lain.

ARPAH BINTE ABDUL RASHID

Tarikh: 10 Dec 2009

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI GAMBARAJAH	xvi
SENARAI JADUAL	xxi

BAB

I	PENGENALAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1	Latar Belakang Perkembangan Bahasa Pelajar Singapura	2
1.1.2	Latar belakang perkembangan kajian Ayat Majmuk	7
1.2	Pernyataan Masalah	24
1.3	Kepentingan Kajian	26
1.4	Persoalan Kajian	29
1.5	Objektif Kajian	30
1.6	Batasan Kajian	31
1.7	Pendekatan Kajian	34
1.8	Definisi Operasional	34
1.8.1	Negara Singapura	34
1.8.2	Kursus Bahasa Melayu sekolah Menengah di Singapura	35
1.8.3	Pelajar Sekolah Menengah di Singapura	36
1.8.4	Kementerian Pendidikan Singapura	37
1.8.5	Bahasa Melayu	37
1.8.6	Sekolah Menengah	38
1.8.7	Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu	39
1.8.8	Ayat Majmuk	48
1.8.9	Proses-proses Transformasi	62
II	SOROTAN LITERATUR	68
2.1	Pendahuluan	68
2.2	Kajian tentang Struktur Ayat Majmuk Dalam Teks	68
2.3	Kajian Tentang Penerapan Teori Linguistik Transformasi Generatif dalam analisis teks.	77
2.4	Penguasaan sintaksis dan pelajar sekolah	83

III	METODOLOGI	102
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.2	Kerangka Konsepsi	105
3.3	Kerangka Teori	106
3.4	Kaedah Kajian	108
3.5	Tempat Kajian	112
3.6	Populasi Dan Persampelan	112
3.7	Pemboleh Ubah Kajian	115
	3.7.1 Pemboleh ubah bersandar	115
	3.7.2 pembolehubah bebas	117
3.8	Alat Kajian	118
3.9	Tatacara Kajian	119
	3.9.1 Kajian Rintis	119
	3.9.2 Kajian Sebenar	123
3.10	Penganalisan Data	124
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	127
4.1	Untuk mengenalpasti penguasaan Ayat Majmuk Pelajar yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar secara keseluruhan.	127
4.2	Untuk menganalisis struktur ayat-ayat majmuk gabungan dalam karangan pelajar yang dikaji.	144
4.3	Untuk menganalisis struktur ayat-ayat Majmuk Pancangan dalam karangan pelajar yang dikaji	171
4.4	Untuk menganalisis ayat-ayat Majmuk Campuran dalam karangan pelajar yang dikaji.	203
4.5	Untuk menilai tahap penguasaan struktur ayat majmuk pelajar dan hubungannya dengan faktor ekstralinguistik	211
4.6	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	223
4.7	Implikasi Dapatan Penyelidik	223
	4.7.1 Impikasi kajian dengan penguasaan ayat majmuk dalam karangan	223
	4.7.2 Impikasi kajian kepada pencapaian bahasa	227
	4.7.3 Impikasi kajian kepada guru	228
	4.7.4 Impikasi kajian kepada Kementerian Pendidikan	230
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	232
5.1	Rumusan	232
5.2	Cadangan Untuk Meningkatkan Penguasaan Ayat Majmuk	249
5.3	Cadangan untuk Kajian selanjutnya	252

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A	-	Soal Selidik
LAMPIRAN B	-	Skala Pemarkahan
LAMPIRAN C	-	Peraturan Pencapaian soal-selidik
LAMPIRAN D	-	Pencapaian Ayat Majmuk

LAMPIRAN E	-	Pencapaian Ayat Majmuk Gramatis
LAMPIRAN F	-	Contoh Penandaan Ayat Majmuk dan Borang-borang
LAMPIRAN G	-	Contoh Karangan Responden
BIODATA PENULIS		

Jadual	SENARAI JADUAL	Muka Surat
1	Senarai Sekolah	115
2	Dapatan Kajian Rintis	121
3	Kekerapan Ayat Majmuk mengikut jantina (lelaki)	129
4	Kekerapan Ayat Majmuk mengikut jantina (perempuan)	130
5	Ujian <i>t</i> menunjukkan perbezaan kekerapan ayat majmuk	130
6	Kekerapan Ayat majmuk yang tidak gramatis menurut jantina	139
7	Korelasi antara Ayat majmuk dan Markah yang Diperoleh	214
8	Korelasi antara Ayat majmuk Yang Gramatis dan Markah yang Diperoleh	217
9	Perkaitan antara aktiviti kebahasaan (membaca) pembentukan ayat (gramatis)	218
10	Korelasi antara Jumlah ayat Majmuk Gabungan, Pancangan dan Campuran yang Gramatis dan Markah	219
11	Korelasi antara jumlah ayat majmuk pancangan (Relatif, keterangan dan komplemen yang gramatis dengan markah	220
12	Bahasa yang digunakan oleh ibu bapa untuk bertutur dengan anak di rumah	250

Rajah	SENARAI RAJAH	Muka Surat
1	Struktur Ayat	7
2	Hubungan antara klausa-klausa dalam ayat	11
3	Hubungan antara klausa-klausa dan proses pengguguran	12
4	Ayat Majmuk	13
5	Ayat Majmuk Berlapis	14
6	Struktur Dasar Ayat Gabungan	17
7	Gabungan Ayat tunggal yang membentuk ayat majmuk	18
8	Ayat Majmuk (1979 – Nik Safiah)	18
9	Ayat Majmuk – 1984	19
10	Ayat Komplemen Frasa kerja	21
11	Ayat Komplemen Frasa Nama Objek	22
12	Ayat Majmuk Yang Dikaji	33
13	Frasa	41
14	Frasa nama	43
15	Frasa Kerja	44
16	Frasa Adjektif	44
17	Frasa Sendi Nama	45
18	Pembentukan ayat Majmuk	49
19	Pembahagian Ayat Majmuk	49
20	Penggabungan Ayat Tunggal	51
21	Ayat Majmuk Gabungan Berurutan	52
22	Ayat Majmuk Gabungan Bertentangan Fakta	53
23	Ayat Relatif	55
24	Ayat Komplemen	56

25	Ayat Keterangan	59
26	Ayat Majmuk Campuran	62
27	Pengguguran Frasa Nama	63
28	Pengguguran Subjek Yang Serupa	64
29	Pengguguran Frasa Predikat (Ayat Dasar)	65
30	Pengguguran Frasa Predikat 1 (Ayat Permukaan)	65
31	Pengguguran Frasa Predikat (Struktur Dasar)	66
32	Pengguguran Frasa Predikat Yang Serupa	66
33	Pembahagian Ayat Majmuk	70
34	Pembahagian Ayat Komplemen	76
35	Ayat Majmuk Berketerangan SS (1)	80
36	Ayat Majmuk Berketerangan SS (2)	81
37	Ayat Majmuk Berketerangan SS (3)	81
38	Ayat Majmuk Berketerangan SS (4)	82
39	Ayat Majmuk Berketerangan SS (5)	83
40	Ayat Majmuk Berketerangan SS (6)	90
41	Tatabahasa Model Generatif	107
42	Kekerapan Ayat Majmuk (Kajian rintis)	119
43	Peratusan Subjek Kajian Mengikut Jantina	128
44	Peratusan Pencapaian Ayat Majmuk Mengikut Jantina	129
45	Peratusan Pencapaian Ayat Majmuk Yang Terbina	132
46	Peratusan Jenis Ayat Majmuk Responden secara keseluruhan	132
47	Peratusan Pencapaian ayat Majmuk Dan Ayat Majmuk	136
48	Kekerapan Ayat Majmuk Yang Gramatis	136

49	Kekerapan ayat Majmuk Yang Tidak Gramatis	143
50	Kekerapan Kata Hubung Dalam Ayat Majmuk	145
51	Empat Ayat Setara Dengan Kata Hubung <i>dan</i>	147
52	Struktur Ayat Gabungan Dengan Proses Transformasi (Struktur Permukaan)	149
53	Struktur Ayat Gabungan Dengan Penggunaan Kata Hubung 'lalu' (Struktur Dasar)	150
54	Struktur Ayat Gabungan Dengan Penggunaan Kata Hubung 'lalu' Setelah Proses Transformasi (Struktur Permukaan)	151
55	Ayat Gabungan Berurutan dengan kata hubung 'dan'	153
56	Ayat Gabungan dan proses penyingkiran	154
57	Ayat Gabungan Berurutan dengan kata hubung 'lalu'	156
58	Ayat Gabungan Berurutan dengan kata hubung 'lalu' (Ayat Dasar)	157
59	Ayat Gabungan Berurutan Setelah Mengalami Pengguguran	157
60	Ayat Gabungan Bertentangan Dengan Kata Hubung 'tetapi'	158
61	Ayat Gabungan Bertentangan Dengan Kata Hubung 'tetapi' setelah mengalami transformasi	159
62	Ayat Gabungan Bertentangan Dengan Kata hubung 'tetapi' (Struktur Permukaan)	160
63	Ayat Gabungan tanpa pengguguran mana-mana bahagian dalam ayat (Ayat dasar)	161
64	Ayat Gabungan tanpa pengguguran mana-mana bahagian dalam ayat (Ayat Permukaan)	162
65	Ayat Gabungan Dengan Kata Hubung 'dan' tanpa pengguguran	163
66	Ayat Gabungan tanpa pengguguran (Ayat Permukaan)	163

67	Ayat Gabungan dengan kata hubung 'tetapi'	164
68	Ayat Gabungan Dengan Kata Hubung 'tetapi' (Ayat Permukaan)	164
69	Ayat Gabungan Dengan Kata Hubung 'dan'	165
70	Ayat Gabungan Dengan Kata Hubung 'dan' (Ayat Dasar)	166
71	Ayat Gabungan Dengan Pengguguran Bahagian yang sama (Struktur Permukaan)	167
72	Ayat Gabungan Dengan Pengguguran Kata Hubung (struktur dasar)	168
73	Ayat Gabungan Dengan Pengguguran Kata Hubung (struktur dasar)	169
74	Ayat Majmuk Gabungan Yang Tidak Gramatis	170
75	Peraturan Pencapaian Ayat Majmuk	172
76	Ayat Majmuk Relatif (Ayat Dasar)	174
77	Ayat Majmuk Relatif (Struktur Permukaan)	175
78	Ayat Relatif Sebagai Penerang Subjek (Struktur Dasar)	176
79	Ayat Relatif Sebagai Penerang Subjek (Struktur Permukaan)	177
80	Ayat Relatif Sebagai Penerang Predikat (Struktur dasar)	179
81	Ayat Relatif Sebagai Penerang Predikat (Struktur permukaan)	180
82	Ayat Majmuk Relatif – Penerang objek (Struktur Dasar)	181
83	Ayat Majmuk Relatif - Penerang objek (Struktur Permukaan)	182
84	Ayat Majmuk Komplemen FN Subjek (Struktur Dasar)	185
85	Ayat Majmuk Komplemen FN Subjek (Struktur Permukaan)	186
86	Ayat Majmuk Komplemen Frasa Nama Objek	187

87	Ayat Komplemen Frasa Nama Predikat	187
88	Ayat Komplemen Frasa Kerja Intransitif	190
89	Ayat Komplemen Frasa Kerja Tansitif	191
90	Jenis-jenis Ayat Keterangan	193
91	Jenis-jenis Ayat Keterangan Musabab	195
92	Jenis-jenis Ayat Keterangan Waktu	196
93	Jenis-jenis ayat Keterangan akibat	197
94	Jenis-jenis Ayat Keterangan Pertentangan	198
95	Jenis-jenis Ayat Keterangan Harapan	199
96	Jenis-jenis ayat Keterangan syarat	200
97	Jenis-jenis Ayat Keterangan Tujuan	201
98	Jenis-jenis Ayat Keterangan Perbandingan	202
99	Jenis-jenis Ayat Keterangan Cara	203
100	Ayat Campuran (ayat tunggal, gabungan dan ayat relatif)	206
101	Ayat Campuran dari deretan ayat tunggal	207
102	Jenis-jenis campuran Dari Berbagai Jenis Ayat Ayat	209
103	Peraturan Ayat Majmuk Tidak Gramatis	210
104	Pencapaian Markah Karangan Responden	212
105	Korelasi antara jumlah Ayat majmuk dan pencapaian markah	213
106	Korelasi Jumlah Ayat Majmuk Gramatis Dengan Markah	215
107	A. Relatif, Ayat Komplemen dan ayat Keterangan	221

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
PSLE	Primary School Leaving Examination
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
GCE	General Certificate of Education
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
HDB	Housing Development Board
MPS	MacPherson Primary School
TG	Transformative Generatif
FN	Frasa Nama
FS	Frasa Sendi
FA	Frasa Adjektif
KKj	Kata Kerja
KN	Kata Nama
KS	Kata Sifat
KAdj	Kata Adjektif
KH	Kata Hubung
P	Predikat
FP	Frasa Predikat
Komp	Komplemen

Ket	Keterangan
Phbs	Penghubung Sendi
PhbR	Penghubung Relatif
Penj Bil	Penjodoh Bilangan

BAB 1

PENGENALAN

Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa ibunda di Singapura selain bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Pembelajaran bahasa Melayu di Singapura, secara formal bermula sejak kanak-kanak menjejakkan kaki mereka dalam darjah satu. Proses ini berterusan sehinggalah mereka sampai ke menengah empat. Memandangkan setelah sepuluh tahun mempelajari bahasa secara formal, penyelidik ingin meneliti adakah struktur ayat majmuk pelajar berkesinambungan dengan rumus ayat bahasa Melayu yang telah diterimapakai di alam Melayu ini. Bertitik tolak dari tujuan ini, penyelidik akan membincangkan beberapa perkara dalam bahagian pendahuluan ini agar dapat memberi gambaran sebelum kajian dimulakan.

Dalam bahagian pendahuluan ini penyelidik akan membincangkan mengenai latar belakang bahasa Melayu di Singapura dalam konteks pelajar dan bahasa. Selain itu penyelidik juga akan menyentuh sedikit mengenai kurikulum yang digunapakai oleh pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya penyelidik akan memaparkan secara ringkas mengenai latar belakang perkembangan kajian yang menjurus kepada ayat majmuk itu sendiri yang telah berlalu lebih kurang 30 tahun.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Latar Belakang Perkembangan Bahasa Melayu di Singapura

Sepanjang penelitian yang telah dilakukan terdapat banyak kajian telah dilakukan terhadap bidang sintaksis bahasa Melayu di Malaysia. Sejauh ini penyelidik belum menemui kajian mengenai ayat majmuk dijalankan di Singapura lebih-lebih lagi kajian yang dijalankan terhadap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar sekolah menengah yang telah menjalani alam persekolahan selama sepuluh tahun. Pelajar-pelajar berkenaan telah mempelajari aspek sintaksis bahasa Melayu selama sepuluh tahun, bermula dari alam persekolahan di sekolah rendah hinggalah ke sekolah menengah.

Di Singapura setiap pelajar diwajibkan untuk mempelajari dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan juga bahasa ibunda masing-masing. Oleh itu untuk pelajar-pelajar Melayu, mereka perlu belajar bahasa Inggeris yang merupakan bahasa pengantar bagi setiap sekolah di Singapura. Kesemua pelajar yang belajar di sekolah kebangsaan (national school) bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama, di samping mempelajari bahasa Melayu, bahasa ibunda mereka yang berstatus sebagai bahasa kedua selama tiga jam seminggu. Kurikulum tertentu telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura untuk memenuhi kriteria pelajar-pelajar yang terdiri dari berlainan aliran. Aliran-aliran tersebut ialah seperti Bahasa Melayu Lanjutan (Higher Malay), Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (ML2) bagi aliran Ekspres, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Kursus Normal (bagi

mereka yang kurang cerdas, di aliran Normal Akademik dan Normal Teknikal), dan akhir sekali ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga (ML3) dari menengah satu hingga ke menengah empat. Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga dikhaskan kepada murid-murid bukan Melayu di kalangan 10% terbaik yang tidak mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, iaitu kursus Ekspres Spesial (Lampiran H). Objektif utama mempelajari bahasa ibunda adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menghayati ciri-ciri etnik tertentu mereka serta tradisi kebudayaan dan nilai yang berkaitan atau berhubungan dengan asal usul etnik mereka. Menurut Gopinathan (1980), dengan mempelajari bahasa etnik sendiri, seseorang itu dapat menghayati serta menghargai identiti kebudayaan mereka dengan lebih mendalam. Adalah dipercayai bahawa kehilangan identiti etnik, *deculturalization* adalah sebagai akibat dari kehilangan kecekapan berbahasa ibunda. Keadaan ini sangat jelas apabila penerimaan beberapa nilai-nilai barat dan cara hidup barat di kalangan anak-anak muda berbangsa Melayu di Singapura menjadi sangat ketara.

Pada abad ini, kebolehan berbahasa lebih dari satu bahasa merupakan satu kayu ukur untuk menentukan kejayaan seseorang dalam dunia globalisasi. Keupayaan bertutur dengan menggunakan lebih daripada satu bahasa merupakan ciri insan berjaya dalam masyarakat hari ini. Di samping menguasai bahasa ekonomi iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu juga menjadi nadi kehidupan bangsa Melayu. Bahasa Melayu sangat penting bagi penyaluran budaya masyarakat Melayu. Jati diri, nilai, sejarah, sastera dan seni sesuatu masyarakat seseorang itu berkait rapat dengan